

24 MAY 2003

Kelantan-Bonus

KELANTAN TURUT BAYAR BONUS KEPADA KAKITANGAN NEGERI

KOTA BAHARU, 24 Mei (Bernama) -- Lebih 2,000 kakitangan kerajaan negeri akan diberi bonus setengah bulan gaji sebagaimana yang diterima kakitangan perkhidmatan awam yang lain, kata Timbalan Menteri Besar Datuk Abdul Halim Abdul Rahman hari ini.

Beliau berkata kerajaan negeri tidak mempunyai masalah untuk membayar bonus itu yang melibatkan peruntukan sebanyak RM3.5 juta.

"Kita (kerajaan negeri) tidak ada masalah untuk tidak menerima pakai apa yang diputuskan oleh kerajaan pusat," katanya kepada pemberita selepas melancarkan kad The Store di pasaraya itu di sini, hari ini.

Rabu lepas, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Menteri Kewangan ketika mengumumkan Pakej Strategi Baru Ekonomi untuk merangsang ekonomi negara berkata semua kakitangan awam akan menerima bonus setengah bulan gaji dalam usaha meningkatkan keupayaan membeli, sekali gus menjana kegiatan perniagaan dan ekonomi negara.

Abdul Halim berkata pembayaran bonus untuk kakitangan kerajaan negeri itu juga akan dibayar pada gaji bulan Jun, sama seperti kakitangan awam kerajaan pusat.

Sementara itu, kerajaan negeri telah mengemukakan permohonan kepada kerajaan pusat untuk membina sebuah pelabuhan komersial yang dicadangkan di satu kawasan di Tumpat bagi menarik pelabur asing.

"Pelbagai halangan untuk menarik pelabur ke Kelantan seperti tiadanya sistem jalan raya yang baik dan juga pengangkutan kargo melalui udara dan ini menjejaskan minat pelabur," kata Abdul Halim.

Katanya sebab itu kerajaan negeri tidak mempunyai pilihan lain dengan mencadangkan supaya satu pelabuhan komersial dapat diadakan di Kelantan agar pelbagai hasil dagangan dapat didaratkan di situ.

Ditanya kenapa memilih Tumpat, beliau berkata ia bagi memudahkan kemasukan pelbagai barangan dari negara luar kerana ia bersempadan dengan Thailand.

Dalam perkembangan lain, beliau menyambut baik pelantikan Datuk Seri Ong Ka Ting dan Datuk Chan Kong Choy sebagai Presiden dan Timbalan Presiden MCA yang baru selepas Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dan Datuk Seri Lim Ah Lek meletak jawatan dalam parti.

Abdul Halim berkata langkah yang diambil oleh Dr Ling dan Lim adalah sifat yang terpuji dan wajar dicontohi oleh semua pihak.

-- BERNAMA

ZI BD RON